

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR KONDOMINIUM SEAVIEW
31 JULAI 2016 (AHAD), 2.00 PETANG

Yang Berusaha En. A.Ananda

Pengerusi, Perbadanan Pengurusan Kondominium Seaview

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada wakil penduduk dan pemilik serta penduduk Kondominium Seaview, tidak lupa juga kepada kakitangan MPSP kerana telah berusaha dan berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Sisa Sifar Kondominium Seaview pada petang ini.

Para hadirin sekalian,

Penerapan Amalan Sisa Sifar di Kondominium Seaview ini merupakan satu langkah bijak bagi menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang telah diamalkan bermula 1 Jun 2016.

Di kawasan Harbour Place ini terdapat empat buah kondominim, dan 3 daripadanya telah memberi komitmen secara rasmi bagi program sisa sifar ini, iaitu Ocean View, Park View dan Seaview sendiri. Ucapan terima kasih juga kepada Encik Low Kuan Kwong dari HP Clean Services kerana turut membantu dalam menjayakan kempen sisa sifar di Park View dan Ocean View. Sisa organik yang dikumpul telah dihantar ke tapak pengkomposan

di Bagan Ayam, dan amat berbesar hati, jika En. Low dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan satu tapak pengkomposan untuk kawasan Harbour Place ini.

Saya dimaklumkan, Kondominium Seaview yang terdiri daripada dua blok dengan jumlah bilangan premis adalah sebanyak 368 unit. Secara purata, dianggarkan setiap pemis menjana sisa sebanyak 200 gram sehari, dan jumlah keseluruhan bagi Kondominium ini akan mencecah sekitar 73kg.

Di sini, ingin saya mengambil contoh, sebuah kondominium di Jalan Baru, The Signature, yang mempunyai ketinggian 25 tingkat dan terdiri daripada 148 buah rumah dan 70 unit daripadanya telah didiami. Kondominium ini telah memberi komitmen dalam menjadikan sisa sifar sebagai satu amalan dimana satu majlis pelancaran sisa sifar telah dijalankan pada 19 Jun 2016 yang lalu. Satu Kajian telah dijalankan ke atas Kondominium The Signature pada 1 Julai 2016 mendapati sebuah tong sampah dengan beratan 23.7 kg, jumlah sampah adalah 21.9kg (92.41%) manakala sisa kitar semula adalah 1.2kg (5.06%) dan sisa makanan adalah 0.6kg (2.53%). Barangan kitar semula didalam tong sampah ini adalah merupakan botol plastik dan kaca yang masih boleh dibersihkan. Bagi tong kitar semula dengan beratan

17.9kg, berat kitar semula adalah 16.8kg (93.85%) manakala sampah yang didapati dalam tong kitar semula ini adalah 1.1kg (6.15%). Untuk sisa organik, jumlah kutipan adalah sebanyak 16.8kg. Rumusan yang dibuat daripada kajian ini, ia menunjukkan kefahaman masyarakat adalah tinggi, kerana didalam tong sampah, peratus barangan kitar semula yang dibuang tidak mencecah 10% dari jumlah sampah.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Sempena majlis pelancaran pada hari ini, setiap unit rumah akan dibekalkan dengan sebuah bekas bersaiz 5 liter untuk diisi sisa dapur. Sisa ini kemudian akan dikompos menjadi baja. Dengan adanya tong ini, pihak penghuni tidak lagi perlu membungkus sisa makanan di dalam plastik beg, sebaliknya memasukkan sisa-sisa makanan tersebut di dalam tong yang dibekalkan. Sisa organik tersebut akan dibawa ke tapak pengkomposan Bagan Ajam untuk diproses sebagai baja kompos.

Hadirin dihormati,

Bagi kawasan Seberang Perai, terdapat tujuh buah pangsapuri yang turut memberi komitmen dalam mengasingkan sisa organik untuk dijadikan baja kompos. Data kutipan yang diperolehi adalah seperti berikut (ada yang menghantar data setiap bulan dan ada yang menghantar secara berkala):

Bil	Pangsapuri	Bulan kutipan	Jumlah (kg)
1	Pangsapuri Taman Pandan, Butterworth	Jan-Mac	4252
2	Palm Vilas, Butterworth	Jan-Jun	1170
3	Park View, Butterworth	Jan-Jun	1005
4	Taman Oren Vila	April-Jun	1115
5	BM RESIDENT	April-Jun	498.3
6	The Signature	Jun	101
7	Ocean View (belum ada laporan kutipan yg diserahkan)		

Sisa organik yang dikumpul tersebut diproses untuk dijadikan baja kompos di Pusat Kompos Pasar Awam Bagan Ajam yang dikendalikan oleh Shence Green Tech. Namun bagi Pangsapuri Taman Pandan, mereka memilih untuk memproses sisa organik secara manual untuk menjadikannya sebagai baja kompos. Puan Loh Poh Chen yang telah dianugerahkan

dengan Penang Environmental Stewardship Award 2015 oleh Penang Green Council bertanggungjawab dalam menjayakan misi ini.

Menurut kajian oleh World Bank semasa program CCAC di Pulau Pinang dalam tahun 2014, didapati 36.60% sisa pepejal di bangunan tinggi (high rise building) adalah sisa organik. Manakala purata sampah yang dijana ialah 2.57kg/penghuni/hari. Bagi Kondominium Seaview ini dianggarkan sisa organik yang mampu dijana ialah sebanyak 73 kg sehari.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Mengapakah Majlis Perbandaran Seberang Perai amat menggalakkan aktiviti pengurangan sisa yang dijana dan sebolehnya menuju kepada sisa sifar.

Semua sampah yang dijana oleh Pulau Pinang dilupuskan di Tapak pelupusan Pulau Burung yang terletak di Nibong Tebal. Tapak pelupusan ini terdapat dua fasa sedia ada, dan fasa ketiga masih dalam pembinaan. Bagi fasa 1 dan Fasa 2, ia hanya mampu bertahan sehingga hujung tahun

2016 ini sahaja. Memandangkan setiap hari jumlah sampah yang dilupuskan adalah tinggi.

Sebenarnya setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Apabila tapak pelupusan fasa ketiga, ia dijangka dapat bertahan selama 25 tahun. Namun begitu perkara ini akan mustahil jika setiap warga di Seberang Perai mengambil tak endah atas sisa yang dijana masing-masing. Jika tapak pelupusan fasa ketiga ini juga telah penuh, dimanakah lagi sampah akan dilupuskan, sedangkan Pulau Pinang adalah sangat terhad dengan tanah dan harganya juga mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 tipping free dalam sehari. Kita sedia maklum, tipping fee bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas tipping fee ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM3,999,600.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selain permasalahan melupuskan sampah, Sisa sifar merupakan langkah bijak dalam memelihara alam sekitar dan bumi kita.

Jika kita renung kembali, pada awal tahun 2016, kita semua dapat merasa dan melihat perubahan cuaca ketika itu. Bahang panas yang melanda Malaysia umumnya dan Seberang Perai Khususnya, menyebabkan lima (5) kes strok haba telah dilaporkan yang mana salah satu (1) daripada kes tersebut telah membawa kepada kematian.

Penghasilan sampah yang berlebihan akan turut menyumbang kepada penghasilan gas-gas rumah hijau. Pertambahan gas-gas seperti karbon dioksida dan methane akan menyebabkan haba yang dipantulkan oleh

permukaan bumi akan terperangkap di ruang udara. Ini lah yang akan menyebabkan peningkatan suhu muka bumi.

Namun begitu, peningkatan suhu di Negara kita umumnya dan Seberang Perai khususnya, mungkin tiada *turning point* jika sikap kita terhadap bumi ini tidak berubah. Pengasingan sisa dipunca menjadi salah satu kaedah yang mudah dan akan memberi impak yang besar kepada bumi kita ini.

Satu langkah kecil, iaitu dengan mengasingkan sisa anda kepada dua kategori, iaitu sisa yang boleh dikitar semula dan dan sisa baki, akan membawa perubahan yang besar satu hari nanti. Sisa baki merupakan sisa dapur dan sisa yang tidak lagi boleh dikitar semula. Contoh sisa yang tidak boleh dikitar semula adalah seperti tisu kotor, lampin pakai buang dan kertas tercemar. Manakala bagi sisa kitar semula pula adalah seperti plastic, kaca, kertas, tin, kaca dan besi.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Dasar Pengasingan Sisa di Punca bagi Negeri Pulau Pinang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Kutipan barangan kitar semula dibuat setiap hari Sabtu oleh MPSP. Namun kutipan hanya dibuat bagi kategori

skim perumahan dan data yang dikumpul hanya merujuk kepada kategori ini sahaja. Bagi kategori-kategori lain, pengurusan sisa kitar semula akan dibuat samada oleh JKKK, rukun tetangga, Joint Management Body (JMB), Resident Association ataupun Management Corporation.

Tinjauan yang dibuat, dapat dilihat terdapat beberapa peringkat masyarakat dalam menerima dan mengamalkan dasar ini. Ada lapisan masyarakat yang masih belum peka mengenai dasar, ada yang tahu tetapi malas untuk mengamalkan dengan alasan mereka sibuk dan ia menyusahkan, dan yang ketiga, ialah lapisan masyarakat yang maklum mengenai dasar ini dan mengamalkannya. Walaupun pada asasnya, masyarakat diminta mengasingkan sampah dan meletakkan di tepi tong, namun ada juga yang mengambil inisiatif mengasingkan dan menjual secara terus kepada agen kitar semula, atau dihantar kepada pusat pengumpulan komuniti. Terdapat juga sisa kitar semula diasing dan diserahkan kepada *scavenger* ataupun sisa yang diasing dan diletak ditepi tong diambil dahulu oleh *scavenger* sebelum ketibaan lori MPSP.

Pada minggu pertama kutipan sisa kitar semula bagi kategori skim perumahan jumlah premis yang diliputi adalah sebanyak 4891 buah

dengan beratan sebanyak 4524kg. Pada minggu kedua pula, meliputi 12,689 buah premis beratan sisa kitar semula adalah 6954kg. Dan pada minggu ketiga dengan bilangan premis sebanyak 8785, sebanyak 5650 sisa kitar semula telah dikutip. Manakala minggu ke empat pula beratan kitar semula adalah 5046.5 bagi 16696 buah premis. Penurunan beratan sisa kitar semula pada minggu ketiga dan keempat pula adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu;

1. Kehadiran ramai pemungut barangan kitar semula pada hari Jumaat dan Sabtu.
2. Kehadiran ramai pembeli barangan kitar semula pada hari Sabtu.

Pihak MPSP terus menerus menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan untuk memastikan setiap pihak memahami tugas dan peranan mereka dalam Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini. Ini dapat dilihat bagi data barangan kitar semula yang dikutip oleh MPSP pada minggu pertama dan ke dua bulan Julai. Terdapat peningkatan barangan kitar semula yang dikutip bagi minggu pertama Julai. Bagi 17,025 premis sebanyak 8764kg telah dikutip manakala bagi minggu kedua Julai 9015kg barangan kitar semula telah dikutip dari 17,230 buah premis.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya menyeru para hadirin, dan penduduk Kondominium Seaview khususnya, untuk menjadikan pengasingan di punca sebagai satu gaya dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Marilah kita menjadi 'agen perubahan yang positif' @ 'agent of change' untuk menjamin persekitaran yang bersih dan sihat.

Sekian, terima kasih.